

Eropah perlu belajar dari Asia

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com
08 29 04 2012 A2

KOTAKINABALU:Menteri Luar Hungary, Dr Janos Martonyi berkata Eropah harus belajar cara Asia menghadapi krisis kewangan sejak 2008.

Katanya, langkah Asia yang mengelakkan berhutang dan mengadakan perbincangan dengan pihak terlibat dalam krisis terbabit adalah contoh terbaik untuk diikuti.

“Pada 1997, Asia mengalami krisis kewangan tapi rantau ini berusaha untuk tidak berhutang.

“Jadi, ini yang kita mahu cadangkan kepada Eropah agar berbincang dan menganalisis keadaan yang dihadapi untuk mencari penyelesaian terbaik,” katanya.

Beliau berkata, untuk memulihkan keadaan ekonomi di benua itu memerlukan kerjasama dan penglibatan daripada semua pihak berkaitan.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kuliah umum Hubungan Strategik Asia-Eropah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, kelmarin.

Sementara itu, beliau turut memuji pertumbuhan Malaysia yang merupakan rakan dagangan kedua terbesar dengan Hungary.

Katanya, masih banyak potensi kerjasama antara



KAMARUZAMAN(kanan)menyampaikan cendera kenangan kepada Janos yang hadir memberikan kuliah umum di UMS, kelmarin.

Hungary dan Malaysia yang boleh diterokai pada masa hadapan.

“Walaupun jarak Malaysia dan Hungary amat jauh dari aspek geografi, namun itu tidak menghalang kerjasama antara kedua-dua negara.

“Terdapat banyak perbezaan seperti budaya dan bahasa, namun kedua-dua negara berusaha melaluinya dan ini adalah usaha yang mengagumkan,” katanya.

Hungary, kata beliau, semakin kompetitif

dalam EU selari dengan tanggungjawab kesatuan itu dalam menggerakkan ekonomi dunia.

“EU adalah pelabur terbesar dunia namun kami masih perlu belajar dari kejayaan Asia,” katanya.

Tahun lalu, dagangan dua hala Malaysia-Hungary berjumlah RM 1.775 bilion atau peningkatan lebih 70 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri

Panglima Dr. Kamaruzaman Ampon berkata universiti itu akan terus memperkukuh kerjasama dengan EU melalui pelbagai program.

Katanya, UMS ketika ini merupakan salah satu rakan kerjasama dalam projek yang dibiayai EU, MYEULINK.

Kamaruzaman berkata, projek melibatkan peruntukan kira-kira RM2.5 juta (Euro 575,000) itu turut disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Projek ini, jelas beliau, bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang EU dan polisinya ini bakal berakhir pada Disember ini.

“Walaupun projek ini akan berakhir nanti, UMS akan pastikan pertukaran kepakaran dan pengetahuan terus berlaku antara Malaysia dengan Kesatuan Eropah atau Hungary sendiri.

“Langkah ini penting bagi meningkatkan persefahaman antara kedua-dua pihak yang pasti membawa kepada hubungan yang lebih erat,” katanya.

Selain UMS, rakan kerjasama lain dalam MYEULINK adalah Universiti Malaysia dan Universiti Putra Malaysia (UPM) selain Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS), Petronas dan Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).